



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***STRATEGI BERTUTUR BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR
UNIVERSITI***

MOHD HILMI BIN MOHD HASHIM

FBMK 2014 54



**STRATEGI BERTUTUR BAHASA ARAB DALAM
KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI**

MOHD HILMI BIN MOHD HASHIM

**MASTER SASTERA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2014



**STRATEGI BERTUTUR BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR
UNIVERSITI**

Oleh

MOHD HILMI BIN MOHD HASHIM

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera.**

September 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera.

STRATEGI BERTUTUR BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI

Oleh

MOHD HILMI BIN MOHD HASHIM

September 2014

Pengerusi : Muhd Zulkifli Bin Ismail, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan strategi bertutur secara langsung dan secara tidak langsung dalam kalangan pelajar universiti pengkhususan bahasa Arab di Malaysia dan seterusnya mengelaskan rantaian penggunaan strategi bertutur. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk menganalisis penggunaan strategi bertutur baharu dalam proses bertutur bahasa Arab. Kajian kualitatif ini melibatkan responden seramai 7 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor yang dipilih secara bertujuan dan data diperolehi melalui rakaman temubual. Data tersebut kemudiannya dianalisis berdasarkan enam jenis strategi Oxford (1990) iaitu: strategi memori, strategi kognitif, strategi tampungan, strategi metakognitif, strategi afektif dan strategi sosial. Disamping itu, analisis data turut dilengkapi lagi dengan menyelidik penggunaan strategi baharu dan juga strategi berunsur Islam. Hasil kajian mendapati responden menggunakan strategi bertutur secara langsung sama ada memori, kognitif dan tampungan. Namun kajian ini mendapati strategi tampungan paling kerap digunakan dan paling bervariasi. Hal ini disebabkan oleh keterbatasan dalam bertutur menggunakan bahasa Arab. Manakala dari aspek strategi bertutur secara tidak langsung, responden juga didapati menggunakan ketiga-tiga jenis strategi iaitu metakognitif, afektif dan sosial. Namun begitu kajian menunjukkan bahawa strategi metakognitif lebih bersifat persediaan responden untuk pembentangan dalam kelas sahaja dan juga dari aspek strategi sosial ia berkait apabila responden bertutur dengan penutur jati. Mereka lebih berminat untuk bertutur menggunakan strategi apabila bertutur dengan penutur jati Arab. Dari aspek rantaian strategi bertutur, responden didapati menggunakan pelbagai rantaian strategi untuk bertutur dalam bahasa Arab sama ada rantaian strategi bertutur secara langsung, rantaian strategi bertutur secara tidak langsung dan juga gabungan rantaian antara kedua-dua

strategi bertutur yang utama. Kajian ini juga menemukan dua penemuan baharu, yang pertama penemuan strategi bertutur yang baharu seperti strategi yang dimanfaatkan daripada strategi kemahiran membaca dan strategi menukar topik. Manakala yang kedua strategi bertutur berunsurkan Islam seperti strategi mengucapkan frasa Islam, strategi membaca doa dan strategi mengadu pada Allah yang boleh disesuaikan dengan kerangka konsep Oxford (1990). Secara umumnya kajian ini menunjukkan bahawa responden berusaha sedaya upaya untuk bertutur bahasa Arab dengan menggunakan pelbagai strategi, namun berkemungkinan besar mereka masih tidak cekap menggunakan strategi untuk memaksimumkan keupayaan mereka menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Arab.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Art

ARABIC SPEAKING STRATEGIES AMONG UNIVERSITY STUDENTS

By

MOHD HILMI BIN MOHD HASHIM

September 2014

Chairman : Muhd Zulkifli Bin Ismail, PhD

Faculty : Modern Languages and Communication

The main purpose of this study is to identify direct and indirect speaking strategies among university students majoring in Arabic Studies in Malaysia and subsequently to classify the chains of speaking strategy. Moreover, this study also aims to analyze the use of new speaking strategies in the process of speaking Arabic. This qualitative study elected 7 Bachelor Degree Arabic Language students of Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor as respondents and data were obtained through interviews. The data were then analyzed based on six types of Oxford (1990) strategies, namely: memory strategies, cognitive strategies, compensation strategies, metacognitive strategies, affective strategies and social strategies. In accordance to that, the data analyses were complemented by researching new strategies and Islamic strategies. In terms of direct speaking strategies, this study found out that the respondents used memory strategies, cognitive strategies and compensation strategies. Yet, the study recognized compensation strategies which were frequently and diversely used in speaking strategy. These outcomes were due to the limitations in conversing Arabic language. On the indirect speaking strategies, the results showed that respondents used three types of strategies which were metacognitive strategies, affective strategies and social strategies. However, the research manifested that metacognitive strategies were mostly used in preparation for presentations by the respondents especially in class, while in terms of social strategy, respondents used the language in their conversations with native speakers. Due to that, they were mainly interested in using the strategies while interacting with Arabic native speakers. From the aspect of chain speaking strategy, it is assured that respondents used various strategies such as in speaking Arabic neither directly speaking strategy chain, indirectly speaking strategies chain nor the chain of combination between the two main strategies. The study has brought two new discoveries, which is which the first discovery of new speaking strategies consists of reading strategies and changing-topics strategies. On the other hand, the second strategy

is Islamic-way speaking strategies which are uttering Islamic phrases strategies, reciting *Doa* strategies and one-to-one conversation with Allah strategies which can be tailored to a conceptual framework of Oxford (1990). In general, this research has shown that respondents are trying their best to speak Arabic and use variety of strategies, but most likely they are not efficient enough to use the strategies to the extent of maximizing and sharpening their skills in conversing Arabic language.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji bagi Allah dengan nikmatNYA dan izinNYA yang mempermudah urusan serta perjalanan menyiapkan kajian ini. Selawat dan salam buat junjungan mulia Kekasih Allah Nabi Muhammad S.A.W. yang menyampaikan ilmu dan iman kepada Umat Islam yang tercinta.

Sekalung penghargaan buat penyelia, Dr Muhd Zulkifli Bin Ismail di atas kepercayaan dan dorongan yang diberikan. Jutaan terima kasih terutamanya buat Dr Nik Farhan Binti Mustapha yang banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar tanpa rasa jemu dan sabar dengan karenah-karenah anak didik dalam memperkenalkan bidang kajian yang berkaitan. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Unit Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang secara tidak langsungnya terlibat di atas curahan ilmu serta nasihat yang bermanfaat.

Kepada rakan-rakan seperjuangan Hisyamuddin, Hamzah, Fairuz, Syafiq Bashir, Ramdhan Razak, dan juga mujahidah GRF bahasa Arab dan bahasa Melayu, jutaan terima kasih diberikan di atas nasihat-nasihat yang bersemangat, sumbangan idea, bahan-bahan ilmiah, bantuan kemudahan penyelidikan dan sebagainya dalam menayakan kajian ini,

Perhargaan teristimewa dan tiada ternilainya ucapan terima kasih buat abah, Haji Mohd Hashim Bin Saaludin dan juga mak, Hajjah Jamilah Binti Haji Mohamed di atas didikan, asuhan, dan dari segi semua aspek dalam menjalankan tanggungjawab memberikan ilmu kepada anakmu. Sekalung penghargaan buat Abang Chaq, Abang Teh, Kak Cik, Nabila dan terutamanya Kak Ngah yang banyak memberi sumbangan dan juga nasihat. Semoga Allah membalaskan dengan pahala, nikmat serta rahmat kepada ahli keluargaku Amin.

Moga usaha dan kajian ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya dan menjadi salah satu sumbangan ilmu dalam menjana perkembangan ilmu-ilmu lain yang wujud kepada masyarakat semua. Insya Allah.

Mohd Hilmi Bin Mohd Hashim
Sungai Petani, Kedah.
2014



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 12 September 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohd Hilmi Bin Mohd Hashim bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Strategi Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Universiti” mengikut Akta Universiti dan Kolej 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Nama Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Muhammad Fauzi bin Jumingan, Phd

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abd Rauf bin Hassan, Phd

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia:
(Pemeriksa Dalam)

Che Radiah binti Mezah, Phd

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia:
(Pemeriksa Dalam)

Zawawi bin Ismail, Phd

Pensyarah Kanan
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 9 Disember 2014

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Muhd Zulkifli Bin Ismail, Phd

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Nik Farhan Binti Mustapha, Phd

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli Jawatankuasa)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Mohd Hilmi Bin Mohd Hashim (Gs31298).

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Muhd Zulkifli Bin Ismail, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Tandatangan: _____

Nik Farhan Binti Mustapha, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli Jawatankuasa)

JADUAL KANDUNGAN


	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN PELAJAR SISWAZAH	viii
PERAKUAN AHLI JAWATANKUASA PENYELIAAN	ix
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xvi
BAB	
1	
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	2
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	4
1.6 Skop Kajian	5
1.7 Definisi Operasional	6
1.7.1 Strategi Pembelajaran Bahasa	6
1.7.2 Strategi Bertutur	6
1.7.3 Strategi Utama	6
1.7.4 Strategi Secara Langsung	7
1.7.5 Strategi Secara Tidak Langsung	7
1.7.6 Set Strategi	7
1.7.7 Jenis Strategi	7
1.7.8 Strategi Memori	7
1.7.9 Strategi Kognitif	7
1.7.10 Strategi Tampilan	7
1.7.11 Strategi Metakognitif	8
1.7.12 Strategi Afektif	8
1.7.13 Strategi Sosial	8
1.7.14 Strategi	8
1.8 Kesimpulan	8

2	TINJAUAN SOROTAN KAJIAN	9
2.1	Pengenalan	9
2.2	Kemahiran Bertutur	9
2.2.1	Definisi Kemahiran Bertutur	9
2.2.2	Pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab Di Malaysia	10
2.2.3	Masalah Bertutur Bahasa Arab Di Malaysia	11
2.3	Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB)	12
2.3.1	Konsep Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB)	12
2.3.2	Taksonomi Strategi Pembelajaran Bahasa para sarjana	14
2.3.2.1	Model Rubin	14
2.3.2.2	Model O'Malley et.al	14
2.3.2.3	Model Rebecca L. Oxford	15
2.3.3	Strategi bertutur mengikut taksonomi Oxford (1990)	18
2.4	Kajian umum SPB bahasa Arab di Malaysia	21
2.4.1	Kajian strategi kemahiran bertutur Bahasa Arab di Malaysia	23
2.4.2	Gabungan unsur Islam dalam kajian SPB	24
2.5	Kesimpulan	25
3	METODOLOGI KAJIAN	27
3.1	Pengenalan	27
3.2	Reka Bentuk Kajian	27
3.2.1	Kerangka konsep kajian	28
3.2.2	Kaedah Kajian	31
3.2.2.1	Jenis Temu bual	31
3.2.2.2	Pembinaan item temu bual	33
3.2.2.3	Keabsahan item temu bual	33
3.2.3	Pemilihan Responden	36
3.3	Tatacara Pengumpulan Data	38
3.3.1	Tatacara Sebelum Kajian	38
3.3.2	Tatacara Semasa Kajian	39
3.4	Tatacara Penganalisan Data	39
3.4.1	Transkripsi	40
3.4.2	Pengekodan Data	40
3.4.3	Pengkategorian Data	41
3.4.3.1	Tatacara analisis objektif pertama	42
3.4.3.2	Tatacara analisis objektif kedua	42
3.4.3.3	Tatacara analisis objektif ketiga	42
3.4.3.4	Tatacara analisis objektif keempat	42
3.5	Kesimpulan	43

4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	45
4.1	Pengenalan	45
4.2	Analisis dapatan	45
4.2.1	Analisis strategi bertutur secara langsung yang digunakan oleh pelajar ketika proses bertutur	45
4.2.1.1	Strategi Memori	45
4.2.1.2	Strategi Kognitif	50
4.2.1.3	Strategi Tampungan	53
4.2.2	Analisis strategi bertutur secara tidak langsung yang digunakan oleh pelajar ketika bertutur.	58
4.2.2.1	Strategi Metakognitif	59
4.2.2.2	Strategi Afektif	64
4.2.2.3	Strategi Sosial	68
4.2.3	Analisis rantaian strategi yang digunakan oleh pelajar ketika bertutur	70
4.2.3.1	Rantaian jenis strategi bertutur secara langsung berpasangan	71
4.2.3.2	Rantaian jenis strategi bertutur secara gabungan	72
4.2.4	Analisis penggunaan strategi bertutur baharu yang diperolehi dalam kalangan pelajar ketika proses bertutur	74
4.2.4.1	Penambahan strategi bertutur baharu terhadap jenis strategi Oxford (1990)	74
4.2.4.2	Penemuan strategi bertutur unsur Islam terhadap jenis strategi Oxford (1990)	75
4.3	Perbincangan	77
4.4	Kesimpulan	78
5	KESIMPULAN	79
5.1	Pendahuluan	79
5.2	Rumusan Kajian	79
5.3	Implikasi Kerangka Konsep Kajian	85
5.3	Cadangan	86
5.3.1	Cadangan Terhadap Bidang Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab	87
5.3.2	Cadangan Kepada Kajian Lanjutan	87
5.4	Kesimpulan	88
	RUJUKAN	89
	LAMPIRAN	93
	BIODATA PELAJAR	112
	SENARAI PENERBITAN	113

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Kerangka Konsep Strategi Bertutur Secara Langsung Oxford (1990)	28-29
3.2	Kerangka Konsep Strategi Bertutur Secara Tidak Langsung Oxford (1990)	29-30
3.3	Ciri-ciri Tiga Jenis Temu bual	32



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Senarai Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) Oxford (1990)	15
2.2	Hubung Kait Model Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford (1990) Antara Secara Langsung Dan Secara Tidak Langsung	18
2.3	Strategi Bertutur Mengikut Taksonomi Oxford (1990)	20
2.4	Model Strategi Pembelajaran Bahasa Arab	24
3.1	Reka Bentuk Kajian	27
4.1	Strategi Memori	46
4.2	Strategi Kognitif	50
4.3	Strategi Tampungan	53
4.4	Strategi Metakognitif	59
4.5	Strategi Afektif	65
4.6	Strategi Sosial	68

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
A	Item Soalan Temu bual	93-96
B	Pengesahan Item Soalan Temubual	97
C	Borang Soal Selidik Responden	98
D	Surat Persetujuan Responden	99
E	Borang Latar Belakang Responden	100
F	Contoh Transkripsi Temu Bual	101-108
G	Rujukan Tatatanda Transkripsi Temu Bual	109
H	Pengesahan Item Temu bual	110-111

SENARAI SINGKATAN

FBMK	Fakulti Bahasa Dan Komunikasi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
MGAS	<i>Malay good Arabic speaker</i>
MPAS	<i>Malay poor Arabic speaker</i>
PSAS	Perpustakaan Sultan Abdul Samad
SMKA	Sekolah Menengah Agama
SPB	Strategi Pembelajaran Bahasa
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UNISZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kewujudan pelbagai bahasa di dunia ini adalah bersesuaian dengan fitrah penciptaan manusia itu sendiri yang diwarnai dengan pelbagai bangsa dan latar belakang yang berbeza. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah S.W.T dalam al-Quran al-Karim,

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَالْوَنَكُرُوعِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ



(Surah Ar-Rum (30): 22)

“Dan di antara kekuasaan-Nya (Allah) ialah kejadian langit dan bumi, serta kepelbagaian bahasa dan bangsa kamu, sesungguhnya yang demikian itu ialah sebagai tanda (bukti kekuasaan Allah) bagi sekalian alam”

(terjemahan Tafsir *Fi Zhilalil Qur`an ix* (136): 22)

Bahasa merupakan alat pengucapan sosial paling utama yang dimiliki oleh manusia khususnya untuk berinteraksi dalam sesebuah masyarakat. Disamping dapat berinteraksi sesama manusia, penggunaan bahasa ini juga bertujuan membolehkan manusia dapat berinteraksi dalam menyampaikan maklumat serta mesej dengan teratur.

Namun, masalah mula timbul apabila seseorang menggunakan lebih daripada satu bahasa apabila berinteraksi, sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan (Hazlina & Mohd Azidan, 2011). Tambahan pula, dewasa kini lebih daripada sebahagian penduduk dunia adalah *bilingual* dan ramai jugayang *multilingual* (Habibah, 2010). Lantaran itu, hal ini boleh menyebabkan berlakunya masalah ketidaksampaian sebahagian ataupun keseluruhan mesej daripada seseorang penutur kepada pendengar yang berlainan bahasa ibunda.

Walau bagaimanapun, keperluan semasa menunjukkan bahawa seseorang itu perlu menguasai bahasa kedua atau bahasa asing. Hal ini adalah kerana penguasaan bertutur bahasa kedua ataupun bahasa asing dilihat mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, pasaran dan sebagainya sesebuah negara (Abdullah, 2012) malah, sektor-sektor pekerjaan kini lebih mementingkan golongan yang *multilingual* (Kamarul Shukri, 2009). Oleh hal demikian, seseorang individu seharusnya berusaha dengan lebih tekun agar dapat menguasai bahasa kedua ataupun bahasa asing dengan lebih baik.

Usaha mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing bukanlah satu usaha yang mudah. Seseorang individu perlulah menguasai aspek sebutan, perbendaharaan kata, tatabahasa, dan budaya bahasanya untuk menguasai kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran bacaan dan kefahaman serta kemahiran menulis (Zulkifli, 2012). Dalam konteks pembelajaran bahasa kedua ataupun bahasa asing di Malaysia khususnya bahasa Arab, kemahiran asas berbahasa merangkumi empat elemen utama iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dan setiap satu daripadanya mempunyai kaitan yang amat rapat di antara satu dengan yang lain (Nurul Huda, 2012).

Untuk mencapai kemahiran berbahasa khususnya bagi kemahiran bertutur bahasa Arab, para pelajar perlu mempunyai strategi yang berkesan supaya pemerolehan dan pembelajaran bahasa berlaku dengan jayanya. Disamping itu manfaatnya juga dapat membantu para pelajar apabila berlakunya masalah bertutur menggunakan bahasa Arab. Strategi yang dimaksudkan ini adalah komponen untuk meningkatkan pembelajaran bahasa dan membantu membangunkan kecekapan bahasa dalam kemahiran belajar, mendengar, bertutur, membaca, dan menulis bahasa kedua ataupun bahasa asing (Sueraya, Ismail, Arifin, & Ismaiel, 2010).

Terdapat beberapa kajian yang dijalankan oleh penyelidik bahasa khususnya dalam bidang pembelajaran bahasa Arab di Malaysia yang membuktikan serta menemui faktor strategi pembelajaran bahasa (SPB) membantu pelajar dalam menguasai bahasa Arab antaranya kajian oleh Anida (2003) dan Kamarul Shukri (2009). Mereka mendapati bahawa penggunaan strategi pembelajaran yang berkesan adalah antara faktor yang banyak membantu meningkatkan kebolehan pelajar, menambah keyakinan diri, minat, dan sikap terhadap pembelajaran bahasa Arab. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa SPB berpotensi untuk meningkatkan kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar untuk mencapai objektif pembelajaran bahasa asing terutamanya bahasa Arab di Malaysia. Kajian ini akan meneliti SPB khususnya kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPTA).

1.2 Pernyataan Masalah

Tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sama ada yang masih meneruskan pengajian mahupun yang telah bergraduasi dilihat tidak mencapai tahap kecekapan berbahasa yang memuaskan (Ab. Halim, 2007; Ab. Halim, 2009). Perkara ini turut membabitkan kalangan pelajar dalam bidang yang berkaitan dengan pengajian Arab. Isu yang menjadi rungutan pelbagai pihak ialah para pelajar tersebut dikatakan lemah dalam berkomunikasi bahasa Arab (Che Radiah, 2009) dan belum mampu menguasai kemahiran bertutur walaupun mereka telah mendapat pendedahan yang luas dalam bahasa Arab sejak berada di sekolah menengah (Mastura & Kaseh, 2012).

Perkara ini bukanlah janggal kerana kemahiran bertutur bahasa asing merupakan satu kemahiran yang tidak mudah untuk dikuasai berbanding dengan kemahiran yang lain. Bailey (2005) berpendapat bahawa rata-rata individu yang mempelajari kemahiran bertutur dalam sesuatu bahasa mengalami kesukaran dalam bertutur berbanding

penguasaan kemahiran lain bagi bahasa yang sama. Oleh itu, mereka akan merangka strategi tertentu supaya kemahiran ini dapat dikuasai, sekaligus mengurangkan aras kesukaran dalam proses bertutur. Berdasarkan pernyataan ini, pelajar yang mempelajari bahasa Arab di Malaysia sudah pasti menggunakan strategi tertentu ketika proses kemahiran bertutur bahasa tersebut. Sama ada pelajar ini pada akhirnya berjaya atau tidak menguasai kemahiran bertutur seperti yang diharapkan, mereka dipercayai tetap menggunakan strategi tertentu. Penggunaan strategi ini dilihat sebagai sesuatu yang menarik untuk dibongkarkan dan seterusnya dijalankan pelbagai kajian terhadapnya.

Dalam konteks kajian seumpama ini di Malaysia, pengkaji hanya menemui dua kajian sahaja yang memfokuskan strategi bertutur serta membuktikan kewujudan penggunaan strategi bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar iaitu kajian yang dijalankan oleh Sueraya (2011) dan Mastura & Kaseh (2012).

Kajian yang dijalankan oleh Sueraya (2011) telah mengemukakan strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar yang cemerlang dalam kemahiran bertutur bahasa Arab. Strategi tersebut terbahagi kepada strategi di dalam kelas, strategi penggunaan media, strategi penyertaan dalam aktiviti ko-kurikulum dan strategi bertutur bersama rakan. Manakala kajian yang dijalankan oleh Mastura & Kaseh (2012) pula telah mengemukakan teori strategi pembelajaran bahasa dan strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang terbahagi kepada strategi di dalam kelas, strategi penggunaan media, strategi penyertaan aktiviti ko-kurikulum, strategi bersama rakan dan strategi pembelajaran sendiri (*personal*). Justeru, pengkaji berhasrat meneruskan kajian dalam bidang ini dengan mengemukakan strategi lain yang dipelopori oleh Oxford (1990) yang merangkumi strategi bertutur secara langsung dan secara tidak langsung. Tambahan pula, strategi yang diterapkan dalam kajian ini adalah berlainan dengan strategi yang digunakan dalam kajian Sueraya (2011) dan Mastura & Kaseh (2012).

Selain itu, kebanyakan kajian sebelum ini didapati menjalankan kajian strategi pembelajaran bahasa Arab secara umum antaranya kajian yang dijalankan oleh Anida (2003), Nurazan (2004), dan Kamarul Shukri (2009). Hal ini menunjukkan keperluan yang mendesak agar kajian yang hanya memfokuskan kepada kemahiran bertutur dijalankan dalam mengenal pasti strategi para pelajar semasa bertutur bahasa Arab.

Berdasarkan konteks pembelajaran dan kajian-kajian bahasa Arab yang berkaitan sedia ada, satu kajian berhubung strategi bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti bidang pengajian bahasa Arab perlu dijalankan, agar penggunaan strategi bertutur khususnya strategi bertutur secara langsung dan secara tidak langsung ini dapat diteliti malah dikenal pasti bagi memperlihatkan bagaimana ia digunakan dan seterusnya memberi manfaat kepada kemampuan pelajar ketika proses kemahiran bertutur bahasa Arab.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan yang timbul. Antaranya ialah:

- 1- Apakah strategi bertutur secara langsung yang digunakan oleh pelajar ketika proses bertutur?
- 2- Apakah strategi bertutur secara tidak langsung yang digunakan oleh pelajar ketika proses bertutur?
- 3- Bagaimanakah rantaian strategi yang digunakan oleh pelajar ketika proses bertutur?
- 4- Adakah terdapat strategi bertutur baharu yang digunakan dalam kalangan pelajar ketika proses bertutur?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dibentuk berdasarkan beberapa persoalan yang timbul dalam penggunaan strategi bertutur. Antara objektif kajian ini:

- 1- Mengenal pasti strategi bertutur secara langsung yang digunakan oleh pelajar ketika proses bertutur.
- 2- Merekodkan strategi bertutur secara tidak langsung yang digunakan oleh pelajar ketika proses bertutur.
- 3- Mengelaskan rantaian strategi yang digunakan oleh pelajar ketika proses bertutur.
- 4- Menganalisis penggunaan strategi bertutur baharu yang digunakan oleh pelajar ketika proses bertutur.

1.5 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan kajian ini dijalankan dapat dirumuskan sebagaimana berikut:

- 1- Kajian ini dijangka dapat memberikan satu gambaran yang terperinci tentang bentuk strategi yang digunakan oleh pelajar dalam mencapai objektif tertentu dalam kemahiran bertutur dalam bahasa Arab.
- 2- Hasil kajian ini diharap dapat membantu para pelajar dalam menghadapi halangan-halangan tertentu ketika proses bertutur. Selain itu, dengan penemuan

strategi bertutur ini juga dapat memberi alternatif kepada para pelajar untuk memilih strategi yang sesuai mengikut keperluan mereka dalam meningkatkan kredibiliti kemahiran bertutur dan kecekapan berkomunikasi bahasa Arab dengan baik.

- 3- Seterusnya hasil daripada kajian ini juga dapat memberikan sumbangan terhadap penambahbaikan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Hal ini adalah kerana dengan mengesan penggunaan strategi bertutur oleh pelajar, pendidik bahasa dapat merancang pengajarannya agar bersesuaian dengan strategi belajar dan keupayaan berbahasa pelajar-pelajar mereka.
- 4- Kajian ini dapat menyumbangkan kepelbagaian kaedah, iaitu dengan menggunakan pendekatan kualitatif dalam mendapatkan data kajian yang lebih empirikal. Oleh itu, kajian ini mampu dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji lain untuk menjalankan kajian yang seumpama dengan kajian pengkaji.
- 5- Selain itu, kajian ini juga dijalankan adalah untuk menambahkan kekurangan kajian sedia ada berkenaan SPB bahasa Arab di Malaysia yang lebih memfokuskan kepada salah satu kemahiran bahasa contohnya kajian strategi bertutur seperti yang dicadangkan oleh pengkaji-pengkaji yang terlibat dalam bidang pembelajaran bahasa Arab. Dengan adanya penambahan kajian seperti ini, ia diharap dapat mengukuhkan lagi serta meningkatkan mutu pemerolehan dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

1.6 Skop Kajian

Skop ataupun batasan kajian ini adalah seperti berikut:

i. Fokus Kajian

Kajian ini merupakan kajian lapangan yang memfokuskan serta terbatas kepada strategi bertutur bahasa Arab sahaja. Selain itu, kajian ini juga akan melihat dari sudut situasi penggunaan strategi bertutur secara umum dan cara pengaplikasiannya untuk menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar di IPTA.

ii. Lokasi kajian

Lokasi yang dipilih untuk dijalankan kajian ini ialah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor. FBMK menawarkan pengajian bahasa Arab yang merupakan antara pengajian bahasa asing yang dikendalikan oleh Jabatan Bahasa Asing FBMK.

iii. Responden kajian

Kajian ini terbatas kepada pelajar semester enam tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor dan melibatkan responden seramai 7 orang. Segala perbincangan berkenaan pemilihan responden ini akan dijelaskan dalam sub tajuk 3.2.3 yang terdapat di dalam bab tiga iaitu berkenaan metodologi kajian ini.

iv. Instrumen Kajian

Selain itu, instrumen kajian yang digunakan dalam menjayakan kajian ini ialah item soalan temu bual. Item soalan temu bual merupakan alat dalam mendapatkan data kajian ini dan penerangan lebih lanjut tentang proses pembinaan dan kesahan item soalan temu bual tersebut akan diterangkan dalam sub tajuk **3.2.2.2** dan **3.2.2.3** yang turut dirangkumi di dalam bab tiga.

v. Data Kajian

Data kajian ini akan dikutip berdasarkan kaedah kualitatif yang melibatkan aktiviti rakaman temu bual diantara pengkaji dan responden. Rakaman temu bual tersebut akan ditranskripsikan dalam bentuk tulisan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menganalisis data kajian yang diperolehi berdasarkan transkripsi temu bual yang telah dijalankan.

1.7 Definisi Operasional

Kajian ini tertakluk kepada definisi atau istilah yang dimaksudkan oleh pengkaji. Penjelasan tentang beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini dihuraikan seperti berikut:

1.7.1 Strategi Pembelajaran Bahasa

Istilah definisi strategi pembelajaran bahasa yang digunapakai oleh pengkaji dalam kajian ini diambil daripada definisi yang dikemukakan oleh Oxford (1990). Strategi pembelajaran bahasa (SPB) ialah langkah atau tindakan tertentu yang diambil oleh pelajar untuk menjadikan pembelajaran lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih berbentuk sendiri, lebih efektif, dan lebih mudah disesuaikan kepada situasi baru.

1.7.2 Strategi bertutur

Strategi bertutur yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada tindakan atau langkah tertentu yang dilakukan oleh responden dalam proses bertutur bahasa Arab.

1.7.3 Strategi utama

Ia merupakan strategi secara langsung dan secara tidak langsung yang merupakan dua pembahagian utama SPB Oxford (1990).

1.7.4 Strategi secara langsung

Strategi ini memerlukan seseorang penutur menggunakan proses kognitif secara langsung dalam bertutur bahasa Arab.

1.7.5 Strategi secara tidak langsung

Tindakan yang menyokong dan membantu proses bertutur dan digunakan secara tidak langsung dan ia melengkapi strategi secara langsung

1.7.6 Set strategi

Set strategi merupakan sub strategi yang dikelompokkan didalam setiap jenis strategi. Contohnya di dalam jenis strategi memori terdapat tiga set strategi iaitu; set strategi mencipta hubungan mental, menggunakan imej dan bunyi, dan mengulangkaji dengan baik.

1.7.7 Jenis strategi

Jenis strategi ini dipecahkan kepada enam jenis strategi dan dikategorikan didalam dua strategi utama, iaitu secara langsung dan secara tidak langsung. Strategi secara langsung merangkumi tiga jenis strategi iaitu; strategi memori, strategi kognitif dan strategi tampungan dan ketiga-tiga jenis strategi ini digunakan secara langsung semasa bertutur bahasa Arab. Manakala bagi strategi secara tidak langsung mengandungi tiga jenis strategi juga iaitu; strategi metakognitif, strategi afektif dan strategi sosial. Kesemua jenis strategi ini terlibat secara tidak langsung dalam pertuturan bahasa Arab.

1.7.8 Strategi Memori

Tindakan membantu pelajar untuk menyimpan maklumat dalam minda dan membolehkannya mengingat kembali apabila diperlukan dalam pertuturan bahasa Arab.

1.7.9 Strategi Kognitif

ia merupakan proses kognitif yang digunakan oleh pelajar semasa bertutur.

1.7.10 Strategi Tampungan

Strategi ini memberi peluang pada para pelajar untuk bertutur bahasa Arab walaupun menghadapi kekangan.

1.7.11 Strategi Metakognitif

Teknik yang membantu untuk menguruskan proses bertutur dalam bahasa Arab dengan cara penumpuan, penyusunan, perancangan dan penilaian pembelajaran.

1.7.12 Strategi Afektif

Ia merupakan tindakan yang mengurus emosi, sikap motivasi pelajar dalam pertuturan bahasa Arab.

1.7.13 Strategi Sosial

Strategi sosial ialah tindakan yang berlaku dalam bertutur bahasa Arab dengan orang lain.

1.7.14 Strategi

Merupakan strategi yang terdapat didalam set-set strategi dan juga merupakan strategi yang dilakukan oleh pelajar ketika proses pertuturan bahasa Arab.

1.8 Kesimpulan

Di permulaan bab ini, pengkaji telah menjelaskan secara dasar mengenai tujuan pengaplikasian SPB terhadap kemahiran bahasa khususnya kemahiran bertutur. Seterusnya, dalam bahagian ini juga turut membincangkan penyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan diakhiri dengan sedikit keterangan akan definisi operasional yang berkaitan dengan kajian ini. Segala perbincangan yang terdapat dalam bab ini merupakan pengenalan serta gambaran awal kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim Dan Terjemahan

- Ab. Halim Mohamad (2007). Masalah Komunikasi Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Bachelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam Ke-4 2007 - Peningkatan Kualiti Penyelidikan Dalam Pengajian Islam*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Mohamad (2009). Tahap Komunikasi Dalam Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal Of Islamic And Arabic Education 1(1)* , 1-14.
- Abdullah Ahmad (2012, April 22). *Grup Digital Karangkrak*. Retrieved Februari 1, 2013, from Grup Digital Karangkrak: <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/kelebihan-menguasai-tri-bahasa-1.41941>
- Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin (2012). Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan Literatur Di Negeri Sembilan. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)* (pp. 278-285). Bangi: Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anida Abdul Rahim (2003). *Strategi Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu*, Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ashinida Aladdin. (2003). *Strategi Komunikasi (SK): Strategi Pengleksikalan dalam Pertuturan bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Peringkat Menengah*. Laporan Akhir Penyelidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bailey M. Kathleen (2005). *Speaking*. New York: McGraw-Hill ESL/ELT.
- Brown, H. Douglas (1994). *Teaching by principles: an interactive approach to language pedagogy*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall Regents.
- Che Radiah Mezah. (2009). Kemahiran Insaniah Sebagai Nilai Tambah Graduan Bahasa Arab dalam prospek kerjaya. *Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Kedua* (pp. 90-97). Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi.
- Chew Fong Peng & Abdul Jalil Othman (2008) Pengabaian Kemahiran Mendengar dan Bertutur Dalam Bilik Darjah di Sekolah Menengah: Punca, Masalah dan Kesannya di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial Dan Kemanusiaan SOSIOHUMANIKA*. Asosiasi Sarjana Pendidikan Sejarah Indonesia or Association of Indonesian Scholars of History Education (ASPENSI)
- Chua Yuan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan Malaysia*: McGraw Hill Education.

- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah, M. S. (2010). Kebimbangan Ujian dan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab Dalam Konteks Kemahiran Lisan. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2 (2) , 50-63.
- Habibah Shuib. (2010). *Strategi Pembelajaran dan Kaitannya Dengan Pencapaian Dan Motivasi Pelajar Bahasa Jepun*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaysia.
- Hazlina Abdul Halim & Mohd Azidan Abdul Jabbar. (2011). Kesilapan Penambahan dan Pengurangan dalam Pemerolehan Gender Gramatikal Dalam Kalangan Pelajar bahasa Perancis. Dalam Hazlina Abdul Halim, Mohd Azidan Badul Jabbar, Ab. Halim Mohamad, Roslina Mamat, H. Sanimah, & H. Salina, *LINGUA 3* (p. 100). Serdang: Penerbit UPM.
- <http://jpt.mohe.gov.my/>. (1996). Retrieved Februari 3, 2013, from <http://jpt.mohe.gov.my/>: <http://jpt.mohe.gov.my/RUJUKAN/akta/akta%20pendidikan%201996.pdf>
- Junaidah Abu Hurairah Habu (2006), *Strategi Pembelajaran Bahasa Jepun Di kalangan Pelajar Berpendidikan Melayu dan Pelajar Berpendidikan Cina*. Tesis Sarjana. Serdang: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarudin Haji Husin (1999). *Pengajaran Lisan: Kemahiran Mendengar dan Bertutur*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kamarul Shukri Mat Teh (2009). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Lessard, C. M. 1997. *Language Learning Strategies: An Overview For L2 Teachers*. Japan: Kwansai Gakuin University Press.
- Mastura Arshad & Kaseh Abu Bakar. (2012). Penggunaan Strategi Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012* (p. 140). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ma'sum Mohammad (2012). *Strategi Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Bahasa Arab di Jakarta*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohammad Seman, Mohd Zuhir, & Abd. Rahman (2006). Strategi Penilaian Pembelajaran Kemahiran Mendengar dan Bertutur Bahasa Arab. Dalam Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia* (p. 98). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamed Amin Embi. (2000). *Language Learning Strategies: A Malaysian context*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nadwah Haji Daud. (2012) *Attarjumah Min Istiratijiat al-Kalam: Dirosah fi Ta'alum Maharatu al-Kalam Khilal al-Muhimmat al-Lughawiyah*. Prosiding Nadwah Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Ketiga 2012 – Penterjemahan Sebagai Wahana Ilmu. Serdang: Unit Bahasa Arab, Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Nambiar, Radha. (1998). *Learning strategies: a Malaysian perspective*. Bangi: Fakulti Pengajian Bahasa Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Farhan Mustapha. (2011). *Istiratijiat al-Qiraah lada Tholabah al-Lughat al-Arabiyyah fi al-Jamiah Futra Malaziya Wa Mada Ta'siruha ala Mustawa Istiabbuhuma al-Qira'i*. Tesis PhD. Kuala Lumpur. Universiti Islam Antarabangsa.
- Nonglaksana Kama. (2011). *Istiratijiat Ta'alum al-Lughat wa-Asalib Ta'lim al-Lughat al-Arabiyyah Li al-Natiqhin bi Khoiriha. Ta'lim al-Lughat al-Arabiyyah Li al-Natiqhin Biha : Istiratijiat Wa Maharat*. Nilam Puri: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Nilam Puri, Kelantan.
- Nonglaksana Kama & Azlan Haji Saiful Baharum. (2011). *Istiratijiat Ta'alum al-Lughat i'nd Mutaa'llami al-Lughat al-Arabiyyah Bi Wasfiha Mutathalaban Jami'an. Warkah li al-Muktamar al-Alami lil-lughat 2011. Markaz al-Lughat wa al-Tanmiyah al-Ilmiyah*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Normala Ali, Mohamed Sharif Mustafa & Roslee Ahmad. (2005). *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*. Retrieved March 3 on Saturday, 2013, from <http://eprints.utm.my/http://eprints.utm.my/2212/1/91.DrMuhdSharif%26Roslee.pdf>
- Nurazan Mohamad Rouyan. (2004). *Strategi Pembelajaran Bahasa Arab : Kajian Di KUSZA*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Huda Mohamad. (2012). *Strategi Membaca Teks Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- O'Malley, J.M., Chamot, A.U. 1990. *Learning strategies in second language acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif "Pengenalan Kepada Teori Dan Metod"*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Oxford, R. L. (1990). *Language Learning Strategies: What Every teacher should know*. New York: Newbury House.
- Oxford, R. L, Cho, Y., Leung, S. & Kim, H. (2004). Effect of the presence and difficulty of task on strategy use: An exploratory study. *International Review of Applied Linguistics*. 42: 1-47.
- Roselan Baki. (2006). Interaksi Lisan Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu: Potensi Terabai. *Seminar Memperkasakan Pengejaran dan Pembelajaran*

Bahasa Melayu dalam Sistem Persekolahan . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosni Samah. (2009). *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Sahabudin Salleh. (2003). *Masalah penguasaan Bahasa Arab Komunikasi di kalangan pelajar Melayu*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Sueraya Che Haron. (2011). *Learning Strategies For Arabic Speaking Skills: A Case Of Selected Malaysian Malay Learners At The International Islamic University Malaysia (IIUM)*. Tesis PhD. Kuala Lumpur: Institute Of Education International Islamic University Malaysia (IIUM).

Sueraya Che Haron, Ismail Sheikh Ahmad, Arifin Mamat, & Ismaiel Hassanein Ahmed Mohamed (2010). Understanding Arabic-Speaking Skill learning strategies among selected Malaysia Learners: A Case Study At Internatinoal Islamic University Malaysia. *Contemporary Issues In Education Research* , 9-20.

Sayyid Quthb. (1992). *Tafsir Fi Zhilalil Qur`an ix: Terjemahan Dari As`ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchothob Hamzah* (2006). Gema Insani Jakarta.

Hassan, Tamam. (1986). *Manahij al-Bath Fi al-Lughat*. Kaherah: Dar al-Thaqofah.

Zainur Rijal, Abdul Razak, & Rosni Samah. (2007). *Kesan Bahasa Arab Dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia.

Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dan Ingeris Pelajar Cemerlang Inventori Strategi Belajar-Cara-Belajar-Bahasa*. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zawawi Ismail. (2008). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Komunikasi Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2011). Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA . *GEMA Online™ Journal of Language Studies* , 67-81.

Zulkifli Ahmad (2012). Pembangunan Perisian Kursus Multimedia-Interaktif Simpulan bahasa Thai berdasarkan anatomi. *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities Volume 7* , 12.

